

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**SESI BERSAMA PRESIDEN DAN SAMBUTAN
HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN**

**24 APRIL 2026 (JUMAAT)
9.00 PAGI
AUDITORIUM ANGKASA**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan

limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam **SESI BERSAMA PRESIDEN DAN SAMBUTAN HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

2. Seperti bulan sebelumnya sesi ini merupakan wadah untuk kita menyemai nilai kebersamaan dan memperkuat tekad dalam menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan oleh organisasi. Ini termasuk anak – anak syarikat ANGKASA yang turut menjadi sebahagian daripada ekosistem organisasi ini.

Warga ANGKASA Yang Dikasihi

3. Bulan April ini memperlihatkan pelbagai mesyuarat strategik, bengkel berimpak tinggi serta beberapa program telah dijalankan demi memastikan setiap perancangan

diterjemahkan kepada tindakan yang membawa hasil.

4. Dalam masa yang sama, keterlibatan ANGKASA dalam pelbagai perbincangan strategik di peringkat nasional dan antarabangsa mencerminkan kepercayaan yang diberikan kepada kita sebagai badan apeks. Ini menuntut kita untuk terus memperkukuh jaringan dan mengangkat martabat koperasi sebagai pemacu ekonomi rakyat yang inklusif dan mampan.

5. Namun dalam kesibukan kita bekerja, aspek keselamatan dan kesihatan tidak boleh sama sekali dipinggirkan. Justeru itu, sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada tahun ini diisi dengan pelbagai program yang dirangka secara menyeluruh dan inklusif. Antaranya termasuk Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kempen 3S yang menekankan amalan susun, sisih dan

sedekah, serta Saringan Kesehatan Kebangsaan yang memberi peluang kepada warga kerja untuk menilai tahap kesihatan masing-masing secara berkala dan lebih terancang.

6. Dalam masa yang sama, usaha memperkukuh kesiapsiagaan dan kesejahteraan warga kerja turut diperkasa melalui pelaksanaan Kursus Pertolongan Cemas dan Asas Resusitasi Kardiopulmonari (CPR), Cabaran 10,000 Langkah Edisi 2026 serta Sesi Konsultansi Minda Sihat. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan tahap kesedaran terhadap kepentingan kesihatan fizikal dan mental malah membudayakan gaya hidup sihat, cergas dan lebih bertanggungjawab dalam kalangan warga ANGKASA.

7. Kita juga tidak boleh memandangkan ringan ancaman penyakit tidak berjangkit atau *non-communicable diseases (NCD)* seperti diabetes, darah

tinggi, penyakit jantung dan obesiti yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat. Penyakit-penyakit ini sering berpunca daripada gaya hidup yang kurang sihat termasuk kurang aktiviti fizikal dan pemakanan yang tidak seimbang.

8. Justeru, penganjuran Saringan Kesihatan Kebangsaan serta Cabaran 10,000 Langkah Edisi 2026 adalah langkah yang amat bertepatan dalam menggalakkan pengesanan awal serta membudayakan amalan hidup aktif dalam kalangan warga kerja. Usaha ini penting bukan sahaja untuk mencegah penyakit, tetapi juga memastikan kita kekal bertenaga dan produktif dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Warga ANGKASA Yang Dikasihi

9. Selain kesihatan fizikal kita juga perlu memberi perhatian serius kepada kesihatan mental yang semakin

menjadi cabaran dalam dunia pekerjaan masa kini. Realitinya tekanan kerja, tuntutan kehidupan serta perubahan persekitaran yang pantas memberi kesan langsung kepada emosi dan kesejahteraan individu.

10. Menurut laporan antarabangsa, hampir satu daripada lapan individu di dunia berdepan dengan isu kesihatan mental. Menurut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019, sekitar 2.3 peratus rakyat Malaysia, atau lebih 500,000 orang dewasa, mengalami kemurungan. Angka ini menunjukkan isu ini bukan lagi terpencil, tetapi nyata dan dekat dengan kita.

11. Kesan daripada tekanan mental ini bukan kecil. Ia boleh menjejaskan fokus, mengganggu hubungan kerja dan akhirnya menurunkan produktiviti organisasi. Dalam keadaan yang lebih serius, ia boleh membawa kepada

keletihan melampau atau *burnout* yang memerlukan perhatian dan intervensi yang sewajarnya.

12. Justeru inisiatif seperti sesi kesihatan minda dan kursus kognitif tingkah laku yang dilaksanakan pada bulan ini harus dilihat sebagai usaha penting dalam membina organisasi yang bukan sahaja cemerlang dari segi prestasi tetapi juga sejahtera dari segi kemanusiaannya. Kita mahu melahirkan warga kerja yang bukan sahaja cekap, tetapi juga seimbang dari segi emosi dan mental.

13. Seiring dengan usaha membina kesejahteraan fizikal dan mental, saya juga ingin menekankan bahawa keharmonian di tempat kerja adalah asas penting kepada kekuatan sesebuah Bahagian. Persekitaran kerja yang harmoni bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan produktiviti, malah mewujudkan suasana yang kerja yang lebih positif.

14. Kepada para ketua, teguran dan bimbingan hendaklah disampaikan dengan penuh berhemah dan beradab kerana kepimpinan yang baik lahir daripada kebijaksanaan dalam mengurus manusia, bukan sekadar mengurus tugas. Dalam masa yang sama kepada kakitangan pula, sikap profesional dan rasa hormat perlu sentiasa dijaga. Apabila diberikan ruang dan layanan yang baik, jangan sesekali disalahgunakan sehingga menjejaskan disiplin dan integriti. Hubungan yang seimbang antara ketua dan kakitangan inilah yang akan memastikan organisasi terus bergerak dengan harmoni.
15. Dalam kita melaksanakan segala tanggungjawab ini, kita juga tidak boleh melupakan konsep asas dalam kehidupan iaitu bersyukur. Bersyukur bukan sahaja kepada Allah SWT atas segala nikmat yang dikurniakan, tetapi juga kepada sesama manusia yang sentiasa membantu dan menyokong

kita dalam melaksanakan tugas. Budaya menghargai ini akan melahirkan persekitaran kerja yang lebih positif, saling menghormati dan penuh keikhlasan.

16. Jika kita melihat di kiri dan kanan auditorium ini, terdapat kata-kata yang sangat bertepatan dengan tema kita pada hari ini iaitu “sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia lain” (Hadis Riwayat Ahmad), serta firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah ayat 2 yang bermaksud: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan pencerobohan.”

17. Kedua-dua peringatan ini membawa mesej yang amat jelas bahawa kehidupan dan pekerjaan kita seharusnya berteraskan nilai memberi manfaat dan saling

membantu ke arah kebaikan. Dalam konteks organisasi ia bermakna setiap daripada kita memainkan peranan bukan sahaja untuk mencapai kejayaan sendiri tetapi juga membantu rakan sekerja, menjaga kebajikan antara satu sama lain serta memastikan persekitaran kerja sentiasa selamat, sihat dan harmoni.

Hadirin Hadirat Yang Dikasihi,

18. Akhir kata, dalam kita mengejar kejayaan organisasi, jangan kita abaikan kesejahteraan diri dan rakan sekerja. Keseimbangan antara pencapaian dan kebajikan inilah yang akan memastikan kelangsungan, keharmonian serta keberkatan dalam setiap usaha yang kita laksanakan.
19. Semoga segala usaha yang kita lakukan akan terus dipermudahkan dan diberkati, seterusnya mengangkat ANGKASA sebagai organisasi peneraju

gerakan koperasi yang sentiasa
berdaya maju.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik wal hidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.